

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

PENYAKIT UMAT ISLAM

Soal penyakit umat Islam yang telah menyebabkan mereka ibarat memakan racun yang bisa dan hidup merana beberapa kurun telah dijelaskan dengan berterus terang oleh Hakim Al-Islam “Al-Syeikh Muhammad Abduh” dan telah dihuraikan dengan lebih lanjut oleh Al-Alamah Al-Syed Muhammad Rasyid Ridha di dalam kitab tafsirnya yang cemerlang. Setelah menerangkan maksud ayat suci tentang bagaimana orang-orang yang bukan Islam telah bertuhankan ketua-ketua agama dan pembesar-pembesar mereka maka Al-Syeikh Muhammad Abduh berkata: “Kita telah meletakkan syarat pada permulaan. Tafsir ini bahawa kita akan menghuraikan makna Al-Quran dari segi keadaannya suatu agama yang telah datang menyempurnakan tuntutan ruh dan menjadi pendorong yang membawa kepada kebahagiaannya ketika ia berada dalam peringkat dunianya dan peringkat akhiratnya. Tetapi tidak akan sempurna yang demikian bagi kita melainkan dengan mengambil iktibar iaitu memandang kepada yang baik yang telah dipuji oleh Allah Taala dan diperintah kita mengerjakannya. Sambil memeriksa diberi kita dan melihat adakah kita bersifat dengannya? Demikian juga kepada yang buruk yang telah dicela dan ditegah olehnya. Kemudian kita akan berusaha bersungguh-sungguh membersihkan diri kita daripada yang buruk dan menghabisinya dengan yang baik. Di sini sekarang tiba wajibnya di atas kita membahas dan melihat adakah orang-orang Islam telah mengambil “Indad” (sesuatu yang disekutukan dengan Tuhan) sebagaimana perbuatan kaum-kaum yang bukan Islam dahulu-atau tidak kerana mauduk yang sedemikian ialah perkara yang mustahak yang patut diselidiki agama dia oleh seseorang Islam.”

(oleh Abdullah Basmeh)

Iktikad Islam

Soal ini yang telah dikupas dengan lebih lanjut oleh Al-Syeikh Muhammad Abduh adalah dihuraikan oleh Al-Syed Muhammad Rasyid Ridha:

Setengan penyelidik perihal kemunduran umat Islam telah kesamaran tentang kejahilan yang telah meliputi orang-orang Islam—dikecualikan beberapa orang dalam tiap-tiap masyarakat bangsanya yang hampir-hampir tidak kelihatan bekas-bekas peninggalannya-mereka pun (penyelidik-penyelidik) menyelidik perjalanan sejarah Islam dan segala kejadian yang berlaku di dalamnya maka jelaslah kepada mereka tentang kesannya yang besar di dalam perubahan umat Islam: Telah terpilih (daripada kuat gagah dan berpengetahuan kepada lemah dan jahil-p). Di antara perkara-perkara yang telah diperbincangkan ialah perkara ilmu tasawuf. Mereka telah menyangka ajaran tasawuf itulah salah satu daripada sebab-sebab yang besar yang telah menjatuhkan umat Islam di dalam kejahilan terhadap agama mereka dan terpelantingan mereka daripada ilmu tauhid yang ianya menjadi asas

Hakikat Ilmu Tasawuf

Sebenarnya kedudukan perkara ini bukanlah sebagaimana yang mereka sangka itu, dan bukanlah kita di sini hendak menuliskan sejarah ilmu tasawuf, atau menjelaskan hukum-hukum dan jalan-jalannya, hanyasanya kita hendak menyebut dengan ringkas akan tujuannya dan bekas-bekas peninggalannya.

Ilmu tasawuf telah terbit dalam kurun-kurun permulaan Islam maka menjadilah keutamaannya sangat bear. Pada mulanya adalah tujuannya yang utama memperelokkan akhlakunya dan mendidik jiwa dengan amalan-amalan agama, dan menjadikan agama suatu perasaan yang sentiasa dapat dirasainya serta meninggalkannya akan rahsia-rahsia agama dan hikmah-hikmahnya dengan beransur-ansur. Malangnya kaum sufi dalam permulaan pergerakan mereka telah menderita tindasan-tindasan ahli-ahli fikah yang jumud (baku) kepada hukum-hukum yang terhubung dengan angkut-angkut badan yang zahir dan muamalat ahli tasawuf tidak putus-putus menerima tuduhan dan pernah dikafirkan kerana sikap mereka

memperdalam pengetahuan mereka tentang rahsia-rahsia agama. Kebetulan pula pada waktu alim ulama fikah sedang berkuasa di dalam kerajaan kerana raja-raja dan pembesar-pembesar berkehendakkan pengaruh mereka. Inilah yang menyakinkan gerakan kaum sufi bekerja di bawah tanah lalu mengadakan berbagai-bagai cogan dan kata-kata istilah yang tertentu dengan mereka. Mereka pun tidak sanggup menerima orang-orang baharu yang akan mencampuri kumpulan mereka melainkan setelah diuji dan dapat menunaikan beberapa syarat yang tertentu. Seseorang yang baharu mula-mula dikehendaki menjadi penuntut rendah (talib) kemudian akan meningkat menjadi "murid" lepas itu menjadi "salik" dan setelah lulus dalam bahagian "suluk" (suluk) maka ia akan berhadapan dengan dua perkara pertama: akan berjalan menuju peringkat yang menjadi penyelamatnya atau tersekat dan balik asal!

Taat Buta

Guru atau pemimpin tarikat (Al-Maslik) telah ditentukan dengan kuasa khas yang boleh dijelankannya di atas murid-muridnya. Seseorang murid itu dikehendaki terletak di bawah kuasa gurunya seperti keadaan mayat yang terletak di hadapan tukang mandi, kerana tuan guru itu tahu penyakit ruhani muridnya dan tahu mengubatinya dan manakala seseorang murid diberikan berbasah dan menuntut keterangan terhadap sesuatu perkara nescaya akan payahlah mengubati penyakitnya itu, dan inilah yang mewajibkan dia menyerah bulat-bulat kepada gurunya dalam tiap-tiap perkara dengan tidak menimbulkan sebarang bantahan hati walaupun ia disuruh mengerjakan sesuatu maksiat. Maksiat itu hendaklah diiktikadkan untuk kebajikannya dan mengerjakannya adalah berguna kepadanya. Maka menjadilah menyuruh bulat-bulat dan taat buta itu suatu faedah yang telah ditetapkan dan bahawa jalan yang menyampaikan kepada makrifat tidak akan berhasil melainkan dengan ini. Setelah itu mereka pun mula memuliakan kubur guru-guru mereka yang telah mati dan mengambil berat supaya diziarahi dengan

tujuan menghidupkan peringatan terhadap suluk dan jihad mereka...

Daripada ringkasan ini nyatalah bahawa kasad mereka (ahli sufi) tentang perkara-perkara yang tersebut adalah betul dan bahawa mereka tidak menghendaki melainkan kebajikan semata-mata, kerana kasad yang betul dan niat yang baik adalah menjadi asas tarikat yang mereka ikut itu. Tetapi apakah kesan perkara itu kepada orang-orang Islam?

Kesannya ialah tujuan-tujuan baik ahli sufi itu telah terbalik dan tidak ada yang tinggal daripada tanda-tanda peraturan mereka yang zahir melainkan suara dan gerak badan yang mereka namakan "zikir" (zikir) sedang ahli sufi yang sejati tidak sudi diperkaitkan dirinya dengan perbuatan-perbuatan yang sedemikian itu. Demikian juga tidak ada yang tinggal selain daripada perbuatan membesarkan kubur guru-guru tarikat dengan kehormatan agama sambil beriktikad bahawa mereka ada mempunyai kuasa ghaib yang mengatasi sebab-sebab yang dengannya telah terikat segala musabab dengan hikmah Allah Taala. Dengan kuasa luar biasa itu mereka (guru-guru yang telah mati yang dipandang telah menjadi wali karamah-p). Dapat mentadbirkan alam ini dan berleluasa di dalamnya sebagaimana yang mereka kehendaki (kononnya-p). Dan bahawa mereka sanggup menunaikan hajat permintaan orang yang meminta barang di mana sahaja ia berada.

Di sini Al-Syeikh Muhammad Abduh telah mengulas iktikad sesat yang tersebut di atas lalu berkata:

"Iktikad yang demikian itulah dia perbuatan bertuhanan "Al-Andad" iaitu suatu perbuatan syirik (syirik) yang menyalahi kitabnya Allah, sunnah Rasul-Nya, perjalanan "Salaf" daripada sahabat-sahabat tabiin dan mujtahidnya."

Hakikat dan Syariat

Mereka pula telah menambahnya dengan suatu perkara yang lain yang lebih nyata terdedah buruknya dan meruntuhkan agama, iaitu mereka mengenakan bahawa syariat itu suatu perkara yang tersendiri dan hakikat itu suatu perkara yang lain

Ahli Sufi dan Ahli Fikah—Zaman Mutaakhirin.

apabila salah seorang di antara mereka melakukan suatu kesalahan (dosa) lalu orang lain menegurnya maka mereka kedapatan membela orang yang bersalah itu dengan berkata: “Orang itu daripada golongan ahli hakikat maka ia tidak boleh diiktiraf atau disalahkan. Dan berkenaan orang yang menegur itu pula mereka berkata: “Orang itu daripada golongan ahli syariat maka tidak perlu diambil pusing tentang teguran yang didatangkannya! “Seolah-olah mereka memandang bahawa Allah Taala telah menurunkan dua agama, dan bahawa ia akan mengira amal mereka menurut dua wajah, dan akan melain akan mereka menurut dua cara layanan Maha Suci Allah daripada yang demikian itu!

Benar ada tersebut di dalam perkataan setengan ahli sufi tentang hakikat dan syariat yang maksudnya bahawa firman Allah Taala dan sabda Rasul-Nya sallallahu alaihi wasallam ada mengandungi isyarat-isyarat, hikmah-hikmah, dan ilmu pengetahuan yang mengatasi faham orang-orang awam, yang tidak dapat diketahui melainkan oleh orang-orang yang luas ilmu pengetahuannya. Orang-orang awam hanya dapat mengetahui akan yakni yang zahir sahaja, manakala orang-orang yang telah dikurniakan Allah ilmu yang luas lalu faham daripadanya sesuatu yang lebih tinggi daripada yang dapat difaham oleh orang-orang awam maka yang demikian itu adalah kelebihan daripada Allah dikurniakannya kepada siap-siapa yang dikehendaki daripada orang-orang yang bersungguh-sungguh menambahkan ilmunya terhadap Allah Taala dan undang-undang peraturan yang mengenai makhluk-Nya. Inilah dia yang sebenar-benarnya yang mereka (ulama tasawuf yang sejati.)P) namakan ilmu hakikat, tidak ada lainnya dan tiada ada di dalamnya sesuatu yang menyalahi syariat atau menafikannya. Barangsiapa yang telah dikurniakan Allah sebahagian daripada ilmu hakikat ini maka sesungguhnya adalah ia orang yang lebih kuat takwanya kepada Allah daripada orang lain-sebagaimana yang telah dijelaskan oleh firman-Nya tabaraka wa Taala:

‘Imama yakhshya Allah min ‘ibadhi al-ulama’

“Hanyasanya orang yang takutkan Allah daripada hamba-hamba-Nya ialah orang-orang yang berilmu.”

Demikian kedudukan kaum kita: Ahli sufi yang hakiki pada suatu pihak, dan ahli fikah pada pihak yang lain. Setelah rosak ilmu tasawuf yang sejati dan terbalik tujuannya, dan lemah pula alim fikah lalu menjadi pertengkaran lafaz-lafaz yang tersusun di dalam kitab-kitab alim ulama mutaakhirin (ulama zaman akhir zaman kemunduran umat Islam-p) maka ulama fikah yang jumud telah bersumpah dengan ahli-ahli sufi yang jahil ulama fikah tersebut telah tunduk kepada golongan sufi ini dan telah mengaku akan rahsia kelebihan dan keramat mereka bahkan telah tunduk kepada mereka dalam perkara-perkara yang menyalahi akal dan syarak dengan mengakui bahawa yang demikian itu ialah ilmu hakikat. Semenjak itu tuan-tuan akan melihat sorang alim yang telah mentahui kandungan kitab Allah sunnah rasul-Nya dan ilmu fikah-mengambil janji daripada seorang jahil yang buta huruf (ummi) dan memandangnya boleh menyampaikannya kepada (mengenal) Allah Taala.

Kalau kitab Allah, Hadith Rasul-Nya, dan segala yang difaham, dibina dan diijihadkan oleh imam-imam dan alim ulama fikah daripada kitab dan sunnah itu tidak memberi faedah bagi memimpin kepada makrifat Allah Taala, maka kerana apa gerangnya Tuhan memperundang-undang agama ini? Adakah segala yang diturunkan oleh Allah, yang disampaikan oleh pesuruh-Nya Muhammad (SAW) dan yang dijelaskan oleh imam-imam yang kebilangan itu berlaku di dalamnya suatu kecuaihan? Maha Suci Allah Maha Suci kitab-Nya dan Rasul-Nya. Sesungguhnya tidak ada jalan bagi mengenal Azza wa Jalla dan mendapat keredaan selain daripada yang telah diturunkan olehnya-(Al-Quran yang mengandungi keterangan dan pertunjuk) hanyasanya tujuan dan kasad ahli sufi yang benar itu ialah faham kandungan kitab Allah dan As-Sunnah dengan fahaman yang tahkik, bersopan santun menurut sufi santun yang diaturkan olehnya, dan mendidik diri beramal dengan panduan keduanya, dengan tidak bertaklid buta kepada orang-orang yang mengutamakan perkara-perkara yang zahir, dan tidak pula jumud (baku) kepada perkara-perkara yang hanya menjadi kulit dan tidak ada harganya.